



## SIARAN MEDIA YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)

---

### SULTAN PAHANG LANCAR FLOODCOM: INOVASI TEMPATAN ATASI KRISIS BANJIR

---

**JERANTUT, 16 APRIL 2025 –** Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), telah mengambil bahagian dalam pelancaran FLOODCOM – sebuah pusat kawalan bencana banjir terapung yang pertama seumpamanya di Malaysia. Teknologi ini merupakan hasil kerjasama strategik antara MOSTI dan pelbagai agensi berkaitan sebagai langkah inovatif dalam pengurusan risiko bencana.

Majlis ini turut diserikan dengan keberangkatan tiba Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj. Dalam kesempatan tersebut, sebagai simbol penghargaan, YIM telah mempersembahkan cendera kenangan sebuah Tangki Penapis Minyak Kelapa Dara kepada KDYMM Tengku Ampuan Pahang, selaras dengan minat dan kecintaan baginda dalam bidang masakan dan produk semula jadi.

Tangki ini merupakan hasil inovasi tempatan yang direka oleh En. Mohd Amir bin Tukiman dari Selangor. Tangki yang diperkenalkan melalui Program Malaysia Inovasi Sosial (MyIS) Akar Umbi (MaGRIs) pada tahun 2021 yang menerima geran bernilai RM65,000.00 ini menggunakan teknik tekanan sejuk (*cold press*) secara manual dan berkeupayaan memproses 35 kilogram santan bagi menghasilkan 3.5 liter minyak kelapa dara tulen. Selain digunakan untuk tujuan masakan dan kecantikan, tangki ini juga menyokong pengeluaran minyak berkualiti secara kecil-kecilan, sekaligus membuka peluang keusahawanan kepada komuniti luar bandar.

Ia juga merupakan antara contoh terbaik produk yang lahir daripada komuniti untuk komuniti, selari dengan matlamat MOSTI dalam mengarusperdagangkan inovasi sosial. Dengan sokongan berterusan daripada MOSTI, YIM komited untuk terus memperkasakan rakyat melalui pendekatan berinovasi dan berdampak tinggi.

MOSTI melalui YIM akan terus memperjuangkan inovasi sosial sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi negara.

**# TAMAT**

### **Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)**

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai Syarikat Terhad Mengikut Jaminan (CLBG) di bawah Akta Syarikat 1965 dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berdasarkan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, mengenalpasti, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 7,400 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerkasaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di [www.yim.my](http://www.yim.my)

#### **Hubungi:**

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)  
Nur Aneita Abdullah Pandian  
+6019-2294732  
aneita@yim.my